

**Mahu kempen pilihan raya dipanjangkan 10 hari
Utusan Online
04 April, 2012**

KUALA LUMPUR 3 April – Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (PSC) Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya mencadangkan agar tempoh berkempen untuk pilihan raya dilanjutkan sehingga tidak kurang daripada 10 hari berbanding tujuh hari ketika ini.

Bagaimanapun, Pengerusinya, Datuk Seri Dr. Maximus Ongkili berkata, tiga Ahli Parlimen pembangkang yang menganggotai jawatankuasa tersebut iaitu Azmin Ali (PKR-Gombak), Anthony Loke (DAP-Rasah) dan Dr. Mohd. Hatta Ramli (Pas-Kuala Krai) tidak bersetuju dan mahu tempoh berkempen dilanjutkan kepada minimum 21 hari.

Beliau berkata, syor mengenai memanjangkan tempoh berkempen terkandung di dalam tajuk menambah baik proses pilihan raya.

“Jawatankuasa mengambil maklum cadangan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan satu tempoh berkempen yang lebih panjang dalam sesuatu pilihan raya adalah untuk memberi ruang berkempen yang lebih lama dan pada masa yang sama urusan mengembalikan undi pos dapat dibuat dengan wajar.

“Jawatankuasa juga mengambil maklum pandangan berbeza bahawa tempoh berkempen yang terlalu panjang mendatangkan kesukaran kepada aktiviti berkempen di sesetengah bahagian pilihan raya di samping kos yang tinggi,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika membentangkan laporan PSC Berhubung Penambahbaikan Proses Pilihan Raya di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Selain Ongkili dan tiga Ahli Parlimen pembangkang itu, PSC turut dianggotai oleh Datuk Alexander Nanta Linggi (BN-Kapit), Datuk Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (BN-Kangar), Tan Sri Dr. Fong Chan Onn (BN-Alor Gajah) dan P. Kamalanathan (BN-Hulu Selangor).

Ongkili berkata, di bawah tajuk itu juga PSC mengesyorkan SPR meneliti Fasal (2) Perkara 115 Perlembagaan bagi membolehkannya meminta pihak berkuasa awam memberikan apa-apa bantuan kepada suruhanjaya itu dalam menunaikan tugas berhubung perkara melibatkan akses media yang bebas dan saksama kepada semua parti serta calon bertanding dalam satu-satu pilihan raya.

“Jawatankuasa mengambil maklum cadangan akses media yang bebas dan saksama diberi kepada semua parti dan calon yang bertanding dalam sesuatu pilihan raya,” ujarnya.

Katanya, jawatankuasa mengambil maklum kesediaan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan untuk memberikan akses yang adil kepada semua parti dan calon yang diselaraskan oleh SPR.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0404&pub=Utusan_Malaysia&sec=Parlimen&pg=pa_02.htm